

PUSAT PEMBENTUKAN PENDIDIKAN LANJUTAN & PROFESIONAL
CENTRE FOR SHAPING ADVANCED AND PROFESSIONAL EDUCATION

Rujukan : UKM.KPD.BKW.400-3/1

Tarikh : 3 SEP 2024

Semua Pelajar Program Prasiswa dan Pascasiswa Ambilan UKMShape
Mod Eksekutif, PBJJ dan ODL

Saudara/i,

PENGUATKUASAAN SEKATAN PENDAFTARAN BAGI PELAJAR – PELAJAR BERHUTANG

Dengan hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Bahagian Kewangan, Pusat Pembentukan Pendidikan Lanjutan & Profesional (UKMShape) ingin menarik perhatian Saudara/I berkenaan hutang yang masih tertunggak dengan pihak Universiti. Selaras dengan peraturan am kewangan, perkara **76 Tindakan Terhadap Pelajar Yang Gagal Menjelaskan Bayaran** di dalam buku garis panduan Kewangan dan perakaunan UKM, pelajar akan dikenakan tindakan termasuk sekatan dari pendaftaran sekiranya gagal menjelaskan yuran atau tuntutan lain yang dikenakan oleh universiti.
3. Penguatkuasaan sekatan pendaftaran ini akan berkuatkuasa bermula semester 1 sesi 2024/2025. Justeru itu, bagi memastikan kelancaran proses pengajian pelajar, para pelajar hendaklah menyelesaikan semua hutang tertunggak dan yuran semasa dengan **SEGERA** sebelum pendaftaran pengajian boleh dilakukan bagi mengelakkan tindakan lanjut diambil oleh pihak Universiti seperti yang termaktub pada peraturan am kewangan UKM.
4. Perincian bagi hutang yuran pengajian pelajar boleh disemak melalui portal ekewangan <http://ekewangan.ukm.my/>. Bayaran boleh dibuat melalui:

- i. Portal e-kewangan UKM <http://ekewangan.ukm.my/>, atau
- ii. Kaunter Bank Islam di atas nama Pusat Kembangan Pendidikan, UKM, atau
- iii. Kaunter Kewangan UKMShape melalui kad kredit/debit pada waktu pejabat.

Sila emelkan bukti pembayaran ke accshape@ukm.edu.my untuk tindakan lanjut pihak Bahagian Kewangan, UKMShape. Sekiranya terdapat pertanyaan lanjut, Saudara/i boleh hubungi Bahagian Kewangan UKMShape maklumat di bawah.

Sekian untuk perhatian saudara/i.

Yang benar,



PROF. DATUK DR. MUHAMMAD BIN HUSSIN
Pengarah



CERTIFIED TO ISO 9001:2015

CERT. NO. QMS 01100

Pusat Pembentukan Pendidikan Lanjutan & Profesional
Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia
Tel.: +603-89272108 E-mel: accshape@ukm.edu.my Web: www.ukm.my/ukmshape

ILMU, MUTU DAN BUDI

www.ukm.my